

21 SEP 1997

Mahathir-ringgit

PANDUAN DR MAHATHIR UNTUK MANFAATKAN KEJATUHAN NILAI RINGGIT

TAWAU, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia harus mengurangkan import barangan dari negara-negara yang mata wangnya naik berbanding ringgit dan sebaliknya membeli barangan dari negara-negara yang mata wang lebih rendah daripada ringgit.

Untuk penjualan pula, Perdana Menteri berkata Malaysia boleh mendapat keuntungan yang lebih dengan menjual barangannya ke negara-negara yang mata wangnya sudah jatuh berbanding ringgit.

Beliau berkata demikian sebagai memberi panduan kepada pengusaha dan peniaga Malaysia bagaimana mereka harus memanfaatkan kejatuhan nilai ringgit berikutan manipulasi dan serangan terhadap mata wang tempatan itu oleh spekulator sejak bulan lepas.

"Ekoran kejatuhan nilai ringgit, kita harus kurangkan pembelian barangan dari negara yang mata wang mereka sudah meningkat seperti Amerika Syarikat ataupun membeli barang-barang yang dijual kepada kita dengan nilai atau penjualan dalam mata wang dolar Amerika," katanya semasa berucap merasmikan Shan-shui Golf and Country Club di sini hari ini.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, untuk membeli barangan dari Indonesia lebih murah kerana nilai mata wangnya juga jatuh.

Bagi negara yang mata wangnya meningkat, harga barangan Malaysia sudah menjadi murah bagi mereka, katanya.

"Tetapi kita jangan jual dengan harga yang jatuh tetapi jual dengan mata wang mereka dan kita akan dapat lebih banyak ringgit daripada mereka.

"Bermakna kalau dulu kita jual satu barang dengan harga US\$10, kita dapat RM25, hari ini kita jual terus dengan harga US\$10 dan kita perolehi RM30 iaitu lebih RM5 daripada dulu.

"Tetapi ini kita kena pandailah, macam mana kita hendak berniaga kerana kalau kita tidak cekap, maka kita akan rugi," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun nilai ringgit jatuh, ia tidak murah berbanding mata wang lain seperti Deutschmark (Jerman) kerana ia juga turun nilai, begitu juga mata wang negara-negara jiran seperti rupiah dan baht.

"Ini bermakna kita boleh mendapat keuntungan yang lebih dalam saingan kita dengan negara yang mempunyai mata wang yang sudah jadi lebih mahal daripada kita," katanya.

"Sebaliknya bagi negara yang matawangnya jatuh lebih teruk berbanding ringgit, kita juga tidak rugi sangat kerana kita masih boleh dapat barangan dari Indonesia dan Filipina dengan harga yang lebih murah," katanya.

Berikutan serangan spekulatif terhadap ringgit bulan lepas yang disifatkan oleh Dr Mahathir dilakukan oleh spekulator "penyangak", nilainya susut kira-kira 20 peratus berbanding dolar Amerika.

Perdana Menteri berkata kejatuhan nilai ringgit juga boleh mendatangkan keuntungan kepada industri pelancongan.

"Dalam industri pelancongan, kerana perkhidmatan sekarang dianggap lebih murah, pelancong akan datang lebih ramai terutama dari negara-negara yang mata wangnya telah meningkat," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata kejatuhan nilai ringgit dan kewujudan banyak pusat peranginan di negara ini juga dijangka menyaksikan lebih ramai pelancong ke negara ini khususnya dari negara yang mata wangnya telah menjadi lebih tinggi berbanding ringgit.

"Apabila mereka berbelanja di sini maka kita akan mendapat tukaran asing yang bertambah," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan pengusaha pusat pelancongan

supaya tidak mengambil kesempatan untuk mengenakan bayaran yang tinggi kerana ini akan menyebabkan pelancong enggan datang.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres keempat Parti Maju Sabah (SAPP), Dr Mahathir berkata: "Kita sedang merangka strategi baru untuk negara mengatasi turun naik mata wang ini dan kejatuhan harga di pasaran saham."

Beliau menggesa pelbagai pihak termasuk pertubuhan politik seperti Barisan Nasional agar menyokong langkah kerajaan itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia harus mengurangkan urusan dalam mata wang dollar Amerika Syarikat dan sebaliknya mengalihkan tumpuan pembelian dari negara-negara yang menjalankan urusan dalam mata wang lain.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan langkah itu bukan ditujukan kepada kerajaan Amerika Syarikat tetapi hanya terhadap mata wangnya.

Kepada soalan kenapa kerajaan tidak menggunakan dana RM60 bilion bagi mempertahankan nilai mata wang tempatan itu, beliau berkata kerajaan sedang menggunakannya tetapi tidak membuat sebarang pengumuman kerana ia boleh menjejaskan banyak pihak. -- BERNAMA

JS MAI